

# Lebih 270 juta rasuah libat salah guna kuasa dikesan

**KUALA LUMPUR** – Dari tahun 1991 sehingga April 2008, sejumlah 13,309 siasatan telah dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke atas pelbagai dakwaan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang telah melibatkan nilai rasuah berjumlah RM270,471,882.40.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz (BN-Padang Rengas) berkata demikian bagi menjawab persoalan Lim Guan Eng (DAP-Bagan) yang meminta penjelasan kerugian akibat gejala rasuah sejak tahun 1980 dan memberikan senarai skandal-skandal kewangan, jumlah wang yang terlibat, tindakan yang telah diambil serta sistem yang digunakan untuk pengurusan audit.

“Bagi meningkatkan usaha pencegahan rasuah, BPR sentiasa menggalakkan jabatan atau agensi kerajaan dan swasta supaya tampil bekerjasama dengan BPR dalam pelbagai aspek pelaksanaan program pencegahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dengan penekanan ke-



**MOHAMED NAZRI AZIZ**

pada aspek kawalan dalaman atau ‘internal control’,” katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Nazri juga menambah selaras dengan kehendak Akta Audit 1957, pengauditan telah dijalankan untuk memastikan sama ada sesuatu penerimaan dan bayaran dibuat mengikut undang-undang dan peraturan.

“Mulai 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang memberikan ‘rating’ ke atas tahap pematuhan Kementerian terhadap undang-undang dan peraturan kewangan,” ulasnya.